

# UTHM terima 2,145 pelajar baru

**BATU PAHAT** - Seramai 2,145 pelajar program sarjana muda telah mendaftarkan diri di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi sesi kemasukan semester pertama 2012/2013, yang diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail (DTII), universiti berkenaan baru-baru ini.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, UTHM telah menawarkan lebih 2,000 tempat untuk sesi kemasukan kali ini dan melibatkan lebih 30 kursus yang ditawarkan oleh lapan fakulti.

Menurutnya, antara fakulti berkenaan ialah Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan

Mekanikal dan Pembuatan serta Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.

"Turut menjadi pilihan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat serta Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan.

"Semester ini juga turut menyaksikan satu fakulti yang baru ditubuhkan iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang mula mengambil pelajar untuk program sarjana muda," katanya.

Noh berkata, seperti tahun sebelumnya, UTHM turut menerima 16 orang pelajar antarabangsa.

Katanya, kesemua pelajar baru ini akan menginap di kolej-kolej ke-

diaman yang disediakan dan telah ditentukan oleh pihak universiti.

"Seperti kelaziman, kesemua pelajar baru ini akan mengikuti Minggu Haluan Siswa (MHS) yang dijadual berlangsung selama seminggu, untuk mereka berkenalan dan menyesuaikan diri.

"Pihak universiti merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang membantu proses kemasukan para pelajar baru ini ke UTHM," katanya.

Beliau berkata, kemasukan pelajar baru ini dialu-alukan dan diharapkan mereka dapat menempuh alam kampus dengan baik sehingga berjaya menggenggam segulung ijazah.



**Noh (berdiri, kanan) turut membuat tinjauan sewaktu sesi pendaftaran berlangsung.**